

**PENGHAYATAN PRINSIP ISLAM HADHARI DI KALANGAN
WARGA KAMPUS**

OLEH:

**CHE BAKAR CHE MAT
UMMI SYARAH BT ISMAIL
SALMAH HUSSAIN**

OGOS 2009



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Institut Penyelidikan, Pembangunan dan
Pengkomersilan (IRDC)

Institute of Research, Development and
Commercialisation (IRDC)

(Sebelum ini dikenali sebagai Biro Penyelidikan dan Perundingan)

40450 Shah Alam, Malaysia

Website : <http://www.irdc.uitm.edu.my>

Tarikh : 24 Jun 2008
Surat Kami : 600-IRDC/SSP.5/3/Rsp (24/2008)

En. Che Bakar Che Mat
Ketua Projek

En. Ummi Syarah Binti Ismail
Ahli Projek

Pn. Salmah Bt Hussin
Ahli Projek

UiTM Cawangan Sarawak
Kampus Samarahan
Jalan Meranek
94300 Kota Samarahan
SARAWAK

Tuan/Puan,

**DAFTAR PROJEK PENYELIDIKAN TAJUK PROJEK : PENGHAYATAN PRINSIP ISLAM
HADHARI DI KALANGAN WARGA KAMPUS**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak IRDC meluluskan permohonan tuan/puan untuk mendaftarkan projek penyelidikan tuan/puan bertajuk seperti di atas yang sedang dijalankan dengan menggunakan **pembentangan sendiri**.

Oleh itu, pihak kami berharap agar tuan/puan dapat menghantar dua (2) naskah laporan akhir mengikut format yang telah ditetapkan setelah menamatkan projek penyelidikan tersebut.

Sekian, harap maklum. Terima kasih.

Yang benar,

PROF. DR. AZNI ZAIN AHMED
Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)

- s.j : 1. Pengarah Kampus
UiTM Cawangan Sarawak

2. Prof. Madya Dr. Rodziah Mohd Yunus
Ketua Penyelidikan (Sains Sosial & Pengurusan)

FTN/la

PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN PENGKOMERSILAN LANDASAN KEWIBAWAAN DAN KECEMERLANGAN

No. Telefon :

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)	: 03-5544 2094/5	Ketua INFOREC	: 03-5544 3097	Pegawai Sains	: 03-5544 2098
Ketua Penyelidikan (Sains Sosial dan Pengurusan)	: 03-5544 2097	Ketua Perundingan	: 03-5544 2100	Pejabat Am	: 03-5544 2093/2101/2057
Ketua Penyelidikan (Sains dan Teknologi)	: 03-5544 2091	Ketua Pengkomersilan	: 03-5544 2750	Fax	: 03-5544 2096/2767
Ketua Perundingan (Kewangan)	: 03-5544 2753	Penolong Pendaftar	: 03-5544 2090	Unit Kewangan Zon 17	: 03-5544 3440



ABSTRAK

Kajian ini berkisar mengenai Penghayatan Prinsip Islam Hadhari Di Kalangan Warga Kampus. Kajian memfokuskan kepada prinsip utama Islam Hadhari iaitu Keimanan dan Ketakwaan Kepada Allah dan responden adalah di kalangan pelajar UiTM Sarawak. Penulis cuba mengenalpasti adakah prinsip ini dihayati dan dipraktiskan dalam kehidupan.

Penulis mendapati, amalan terhadap prinsip utama Islam Hadhari ini masih belum sempurna. Ini berdasarkan dapatan kajian yang dibuat menunjukkan kebanyakkhan pelajar gagal melaksanakan aspek fardhu Ain dan juga fardhu Kifayah dengan sempurna. Dapatan juga menunjukkan berlakunya perkara-perkara yang ditegah agama dalam skala yang agak tinggi. Oleh yang demikian daripada dapatan kajian ini, ia menguatkan lagi dakwaan bahawa kebanyakkan umat Islam kini berhadapan dengan masalah kegawatan akidah.

ISI KANDUNGAN

• Abstrak	i
• Penghargaan	ii
• Kandungan	iii
• Senarai Jadual	iv
Bab Satu : Pendahuluan	1
1.1 Latarbelakang masalah	1
1.2 Objektif	2
1.3 Kepentingan Kajian	2
1.4 Skop/batasan kajian	3
1.5 Definisi Terma/Konsep	3
1.6 Kajian Literatur	3
1.7 Susunan Penulisan	5
Bab Dua : Kerangka Teoretik	8
2.1 Pendahuluan kepada Islam Hadhari	8
2.1 Ciri-Ciri Masyarakat Islam Hadhari	33
2.3 Kemampuan Mengurus Kendiri	39
2.4 Membantu memastikan Dasar Yang Diperkenalkan Oleh Kerajaan Dapat Dihayati Oleh Semua Lapisan Terutamanya Warga Kampus.	42
Bab Tiga : Metodologi Kajian	51
3.1 Pendahuluan	51
3.2 Metodologi Pengumpulan Data	51

BAB I

PENDAHULUAN

Pendahuluan ini akan menghuraikan latar belakang masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, skop/batasan kajian, definisi terma/konsep, kajian literatur dan susunan penulisan. Ia bertujuan bagi mengetahui isi utama perbincangan kajian ini dan dapat membantu pengkaji mencapai matlamat sebenar kajian dijalankan serta mempermudahkan pengkaji menjalankan kajian.

1.1 LATARBELAKANG MASALAH

Islam Hadhari ialah suatu pendekatan pembangunan manusia, masyarakat dan negara Malaysia yang bersifat menyeluruh, berdasarkan kepada perspektif tamadun Islam. Pendekatan Islam Hadhari memberi penekanan kepada aspek pembangunan dan pembinaan peradaban yang didasarkan pandangan semester Islam (Islamic worldview) dengan memberi tumpuan kepada usaha mempertingkatkan mutu kehidupan melalui penguasaan ilmu, pembangunan insan serta pembangunan fizikal.(JAKIM 2005:5)

Namun apa yang menjadi persoalan pada hari ini adalah perbuatan atau tindakan yang menyalahi ajaran agama semakin berleluasa di kalangan masyarakat seperti jenayah, perzinaan, buang bayi, sumbang mahram, perceraian, lumba haram, ketagihan dadah dan seks bebas banyak memberi impak terhadap imej umat dan agama Islam secara menyeluruh. Fenomena yang berlaku secara serius ini